KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 35

FATWA BERKENAAN ANAK TAK SAH TARAF

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memperaku keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-240 yang bersidang pada 11 Syawal 1447H bersamaan 31 Mac 2026M sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Fatwa Anak Tak Sah Taraf.

1. Anak Tak Sah Taraf adalah daripada kategori berikut:

   i. Anak zina: iaitu anak yang lahir di luar pernikahan yang menurut syarak dan bukan daripada persetubuhan syubhah;

   ii. Anak yang dilahirkan kurang daripada enam (6) bulan dua (2) lahzah (detik) mengikut takwim kamariah dari waktu persetubuhan kali pertama atau *imkan al-dukhul* selepas pernikahan yang menurut syarak;

   iii. Anak *li'an*: iaitu anak yang dinafikan nasabnya oleh seorang suami dan mendakwa anak tersebut adalah hasil hubungan zina isterinya dengan lelaki lain;

   iv. Anak *laqit*: iaitu anak pungut atau anak kecil yang dijumpai tanpa ada orang yang menjaganya, sama ada dibuang atau ditinggalkan atau terdampar akibat sesuatu bencana;

   v. Anak mangsa rogol: iaitu anak yang dilahirkan hasil daripada perlakuan rogol;

   vi. Anak sumbang mahram: iaitu anak yang dilahirkan hasil daripada perlakuan sumbang mahram;

   vii. Anak yang dilahirkan melalui kaedah saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak.

2. Pendaftaran anak yang disabitkan sebagai *Anak Tak Sah Taraf*:

   i. Tidak didaftarkan dengan "bin" atau "binti" lelaki yang menyebabkan kehamilan dan kelahiran anak tersebut (bapa biologi);

   ii. Hendaklah didaftarkan menggunakan "bin" atau "binti" Abdullah atau mana-mana daripada *al-Asma' al-Husna* (nama-nama Allah SWT) dengan penambahan awalan Abdul (عبد) seperti Abdul Rahim dan sebagainya;

   iii. Sekiranya bapa biologi bernama Abdullah atau mempunyai nama daripada *al-Asma' al-Husna*, maka anak tak sah taraf tersebut perlu di"bin" atau "binti" dengan mana-mana nama *al-Asma' al-Husna* yang lain.

3. Kedudukan Anak Tak Sah Taraf:

   i. Syarak hanya mengiktiraf nasab anak tak sah taraf di sebelah ibunya (ke atas dan ke bawah) sahaja. Oleh itu, mereka menjadi mahram dan boleh mewarisi serta tertanggung hak nafkah dan hadanah antara satu sama lain; dan

   ii. Jika bapa biologi berkahwin dengan ibu kepada anak tak sah taraf tersebut dan melakukan hubungan kelamin, maka hubungan bapa biologi dengan anak itu adalah seperti hubungan bapa tiri dengan anak tiri dan mereka adalah mahram.

4. Hukum syarak melarang dan mengharamkan:

   i. Menasabkan anak tak sah taraf kepada bapa biologi anak tersebut;

   ii. Bapa biologi mewalikan perkahwinan anak perempuannya yang tak sah taraf;

   iii. Pusaka mempusakai antara bapa biologi dengan anak tak sah taraf tersebut.

Tarikh : 5 Ogos 2026

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9

Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah

(S.S. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)

Timbalan Mufti Negeri Perak